

Anwar kempen untuk Nurul Izzah sebagai percubaan terakhir pertahan Lembah Pantai

Malaysian Insider

May 4, 2013

Oleh Boo Su-Lyn

KUALA LUMPUR, 4 Mei — Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berkongsi karismanya dengan Nurul Izzah Anwar hari ini dalam satu perhimpunan besar untuk membantunya mempertahankan kerusi Parlimen Lembah Pantai dalam pilihan raya esok.

Ribuan rakyat membanjiri Kampung Kerinchi di sini pada malam pilihan raya umum ke 13, dengan hon angin ditiup serta bendera PKR, DAP dan PAS dikibarkan ketika kedua-dua Nurul Izzah dan Anwar menggesa hadirin pelbagai kaum untuk memberi peluang kepada Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih kuasa persekutuan.

"Esok, kita akan bangkrapkan Umno!" kata Anwar disambut oleh sorakan dari hadirin.

"Masalah dengan negara ini adalah pentadbiran tidak baik. Masalah negara ini adalah penyalahgunaan kuasa. Masalah negara ini adalah perkauman. Masalah negara ini adalah rasuah berleluasa," kata pemedato berkarisma itu.

Nurul Izzah yang berumur 32 tahun itu, merupakan anak perempuan kepada Anwar akan berhadapan dengan calon Barisan Nasional (BN) Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin yang juga merupakan menteri wilayah persekutuan dan perancangan bandar sepanjang lima tahun lalu.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-kempen-untuk-nurul-izzah-sebagai-percubaan-terakhir-pertahan-lembah-pantai/>